

601:
MAHATHIR-SUKAN

1975

PONTIAN KECIL, 9 FEB. (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MEMBUAT SATU KAJIAN MENGENAI KEGIATAN SUKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH BERTUJUAN MEMBERI KESAN YANG BAIK KEPADA SELURUH KAUM PELAJAR, KATA MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMED DI SINI.

KATANYA, PADA KETIKA INI SUKAN DI PERINGKAT SEKOLAH TIDAK MELIBATKAN SEMUA MURID-MURID DAN KEADAAN INI PERLU DI BAIKI.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN SEMASA MERESMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE EMPAT MAJLIS SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN PONTIAN DI SINI HARI INI.

DR. MAHATHIR BERKATA, SEKOLAH, SEBAGAI TEMPAT MEMBERI DAN MENERIMA PELAJARAN PERLU MENITIK BERATKAN PEMBANGUNAN JASMANI DI KALANGAN MURID-MURID BAGI MENENTUKAN KEGIATAN MEREKA.

MENTERI ITU BERPANDAPAT SALAH SATU SEBAB MENGAPA KESIHATAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR MERESOT TIDAK KERANA ADANYA KEMUDAHAN KENDERAAN BAGI MEMBAWA PELAJAR-PELAJAR BERULANG-ALIKE KE SEKOLAH

AKIBATNYA PELAJAR-PELAJAR ITU, KHUSUSNYA DI KAWASAN BANDAR MUDAH MERASA MALAS DAN LETIH SERTA DISERANG BERBAGAI PENYAKIT.

DR. MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA PERTANDINGAN SECARA KALAH MATI BAGI ACARA-ACARA SEPERTI HOKI DAN BOLASEPAK DIBATALKAN DI SEMUA SEKOLAH. --BERSAMBUNG 2045/1K

602:
MAHATHIR - SUKAN 2 PONTIAN KECIL

20

MENURUTNYA, ADALAH LEBIH BAIK SEKIRANYA ACARA-ACARA ITU DIPERTANDINGKAN SECARA LEG.

SISTEM SEPERTI ITU AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA LEBIH RAMAI MURID-MURID MELIBATKAN DIRI DALAM ACARA-ACARA SUKAN, TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERHARAP PARA GURU TIDAK MENGANGGAP TANGGONG-JAWAB YANG SEMAKIN BERTAMBAH SETIAP HARI ITU SEBAGAI BEBANAN YANG SUKAR UNTUK DIPIKUL.

TERDAHULU DARI ITU MENTERI ITU SELAKU PENERUSI KILANG NENAS TANAH MELAYU TELAH MELAWAT KILANG ITU DI PEKAN NENAS, LAPAN BATU DARI SINI SERTA MENEMUI PARA PEKERJA DI SITU. -- BERNAMA 2054/A1